



اَوْنِيُوْ تِيْنِيُوْ تِيْنِيُوْ تِيْنِيُوْ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 25 Tahun 2020

TAWARAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

TUJUAN

1. Tawaran Iklan Kenaikan Pangkat ini bertujuan untuk mempelawa Staf Pentadbiran Kumpulan Pengurusan & Profesional Universiti Teknologi MARA yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan sedang berkhidmat untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

LATAR BELAKANG

2. Setiap Skim Perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat umum seperti berikut:-

- (i) Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- (ii) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- (iii) Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan

3. Selain itu, seseorang pegawai yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:-

- (i) Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah:
- (ii) Telah menandatangani Surat Aku Janji; dan
- (iii) Telah mengisytiharkan harta.

4. Jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kumpulan Pengurusan Tertinggi:

i) *Jawatan* : **Pendaftar**

ii) *Gred Jawatan* : **VU6**

iii) *Kekosongan* : **Satu (1)**

iv) *Syarat Kelayakan* :

Pegawai Tadbir Gred VU7 dan Gred N54 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred VU6 yang kosong apabila telah :-

- a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

v) *Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM)* : **Gred Gaji VU6**

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM8,315.00	RM22,445.00	9%

PELAKSANAAN

5. Tatacara permohonan adalah seperti berikut:

- i. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui **Sistem e-Kenaikan Pangkat** dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.

- ii. Permohonan bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional hendaklah mengemukakan dokumen berikut kepada Urusetia Jawatankuasa kenaikan pangkat sebelum tarikh tutup permohonan:-

Bil	Dokumen/Perkara	Jumlah Salinan Yang Diperlukan
1.	Folio Peribadi yang lengkap (Boleh dimuat turun melalui sistem e-Kenaikan Pangkat).	1 salinan
2.	Salinan sijil akademik terkini (jika ada) yang telah disahkan benar daripada salinan asal.	1 salinan

Nota : Salinan sijil-sijil penghargaan/latihan/lantikan Jawatankuasa/lain-lain berkaitan TIDAK perlu disertakan. Salinan sijil-sijil tersebut boleh dibawa semasa temuduga.

- iii. Permohonan yang tidak lengkap adalah dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
- iv. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- v. Pemohon akan dipanggil untuk sesi temu bual sebelum perakuan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- vi. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 21 Oktober 2020**
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini **tidak** akan diproses)
- vii. Permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:-

Bahagian Kemajuan Kerjaya
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 07 Oktober 2020.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 07 Oktober 2020.



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM
Naib Canselor

Bil. Fail : 100-BPD (BKK.6/2)
No Siri : 100-UiTM(NC. 6/2)